



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI
TUN HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/2007**

NAMA MATAPELAJARAN : PENGURUSAN KEJURUTERAAN
KOD MATAPELAJARAN : BKF 4112
KURSUS : 4 BKL
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB **DUA (2)** SOALAN DI
BAHAGIAN A DAN **DUA (2)**
SOALAN DI BAHAGIAN B.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 MUKA SURAT

BAHAGIAN A (40 Markah)

Jawab **DUA** soalan sahaja.

- S1 (a) “Kepimpinan ialah suatu aset yang penting dalam organisasi.”
Bincangkan. (5 markah)
- (b) Nyatakan **lima** tugas dan tanggungjawab seorang pengurus. (5 markah)
- (c) (i) “Kejayaan mengurus sesebuah organisasi boleh diukur dari aspek kecekapan, keberkesanan, produktiviti dan kualiti produk, dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh organisasi”. Nyatakan definisi organisasi. (2 markah)
- (ii) Huraikan peranan seorang pengurus dalam sesebuah organisasi. (8 markah)
- S2 (a) Terangkan maksud organisasi berikut:
- (i) Organisasi projek (2 markah)
- (ii) Organisasi fungsi (2 markah)
- (iii) Organisasi matrik (2 markah)
- (b) Nyatakan **tiga** kelemahan setiap organisasi-organisasi tersebut. (9 markah)
- (c) Huraikan jenis-jenis organisasi projek. (5 markah)

- S3 (a) Pelantikan seseorang pengurus projek adalah bagi meringankan tanggung jawab klien bagi menguruskan perkara reka bentuk dan pembinaan projek untuk sesebuah organisasi.
Nyatakan definisi pengurusan projek .
(2 markah)
- (b) Bincangkan dengan ringkas semua peringkat dalam pengurusan projek beserta aktiviti-aktiviti yang dilakukan pada setiap peringkat.
(18 markah)

BAHAGIAN B (40 Markah)

Jawab **DUA** soalan sahaja.

- S4 (a) *Earned Value* merujuk kepada perbelanjaan yang seharusnya diguna pakai bagi melaksanakan sesuatu projek. Huraikan **tiga** petunjuk penting dalam *Earned Value*.
(6 markah)
- (b) Kos dan masa adalah antara elemen yang penting dalam kawalan projek. Huraikan **tiga** tahap kawalan kos dan masa.
(6 markah)
- (c) Modal sebanyak RM 1.5 juta disediakan untuk membina dua blok tambahan Sekolah Rendah Kebangsaan Parit Raja. Kontraktor A mendapati keuntungan dan kos-kos tak langsung seperti cukai, insurans dan *overhead* adalah sebanyak 20 % daripada kos projek. Projek tersebut perlu disiapkan dalam tempoh 8 bulan.
- (i) Kira nilai kos operasi projek sekolah tersebut.
(4 markah)
- (ii) Jika kemajuan yang ingin dicapai pada minggu pertama ialah 7.5 peratus, kira peruntukan kos projek pada minggu tersebut.
(4 markah)
- S5 (a) Penggunaan konsep Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) akan memberi faedah kepada pelanggan dan organisasi melalui output yang berkualiti, penjimatan kos dan peningkatan kecekapan operasi. Senaraikan kaedah perancangan dan pelaksanaan sistem tersebut.
(4 markah)
- (b) Terangkan aspek-aspek yang perlu diambil kira dalam mengutamakan pelanggan bagi Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM).
(6 markah)
- (c) Bincangkan **lima** prinsip yang menyokong Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM)
(10 markah)

- S6 (a) Perancangan adalah satu daripada proses pengurusan. Nyatakan **lima** objektif teknik perancangan. (5 markah)
- (b) Sebuah projek diketahui terdapat pelbagai aktiviti. Hubungan antara aktiviti dengan tempoh masa melaksanakan aktiviti (duration) adalah seperti berikut.

Jadual 1: Maklumat Projek

Aktiviti	Aktiviti Yang Mengikuti	Tempoh Masa Aktiviti (Minggu)	Kos (RM)
A	B,C,D	2	1 500
B	E	3	1 800
C	F	2	2 400
D	G	3	1 700
E	H	1	2 600
F	I	3	2 200
G	J	4	3 200
H	I	2	1 600
I	-	1	1 200
J	-	1	1 600

Berdasarkan Jadual 1:

- (i) Lakar Kaedah Laluan Kritikal (CPM) dengan menggunakan Gambarajah Anak Panah (Arrow Diagram Method, ADM). (6 markah)
- (ii) Tentukan masa projek ini disiapkan. (2 markah)
- (iii) Nyatakan laluan kritikal projek ini. (2 markah)
- (iv) Lakar carta bar projek di atas. (5 markah)